Utusan Borneo: 14 November 2026

Amang seksual fizikal, pembantu kedai kopi dipenjara 15 tahun, empat sebatan



KE PENJARA: Tertuduh (kanan) diiringi polis keluar dari kamar Mahkamah Sesyen Kuching selepas dijatuhkan hukuman semalam.

KUCHING: Mahkamah Sesyen semalam menjatuhkan hukuman penjara 15 tahun dan empat sebatan terhadap seorang pembantu kedai kopi yang didapati bersalah melakukan amang seksual fizikal terhadap anak perempuan sepupunya yang berusia 12 tahun pada 2022.

Hukuman tersebut dijatuhkan oleh Hakim Shafiza Datu Abdul Razak Tready selepas perbicaraan penuh dijalankan terhadap tertuduh yang kini berusia 24 tahun, dengan tuduhan dibuat mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak (SOACA) 2017.

Beliau antara lain mendapati pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes terhadap tertuduh melampaui keraguan munasabah selepas menilai keseluruhan keterangan yang dikemukakan sepanjang perbicaraan.

Shafiza mengarahkan hukuman penjara berkuat kuasa dari tarikh jatuh hukuman, semalam.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa melakukan serangan seksual fizikal terhadap mangsa, dengan tujuan seksual dalam satu kejadian pada November 2022, sekitar jam 8 malam di dapur sebuah rumah di Kampung Lintang Baru, Panchor, Jalan Kuching-Serian.

Fakta kes mendedahkan pegawai perubatan (pengadu) di Klinik Kesihatan Siburan menerima pesakit iaitu mangsa pada 11 September 2024 bagi tujuan pemeriksaan mental selepas dirujuk oleh guru kaunselor sekolah.

Mangsa kemudian memaklumkan kepada pengadu bahawa suami kepada sepupu mangsa telah meraba anggota badannya, selain bertindak cuba menarik mangsa ke dalam bilik, namun mangsa sempat melarikan diri.

Oleh itu, pengadu membuat laporan untuk rujukan hospital bagi tujuan pemeriksaan dan hasil siasatan membawa kepada penangkapan tertuduh pada 12 September 2024.

Semasa tangkapan dibuat, siasatan awal polis mendapati tertuduh disyaki terlibat dalam penyalahgunaan dadah.

Siasatan lanjut kemudian mendapati tertuduh telah berkahwin dengan sepupu mangsa, dengan mangsa dilaporkan tinggal bersama sepupunya sejak kecil.

Kejadian berlaku ketika mangsa berusia 12 tahun sementara tertuduh, 20. Ketika itu, tertuduh telah memeluk mangsa dari arah belakang sebelum melakukan amang seksual fizikal terhadapnya.

Mangsa yang berada dalam ketakutan kemudian melarikan diri keluar dari rumah selepas tertuduh cuba menariknya masuk ke dalam bilik.

Mangsa juga diminta agar merahsiakan kejadian tersebut.

Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya (DPP) Mohd Fadzri Azham Zainudin dan DPP Asmawi Nur Haqim Mokhtar.

Tertuduh diwakili peguam peguam Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK) Chai Yuen Hui dan Manisha Kaur Toor.